

# HSBC's EliteCare Plus

Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan

# Lindungi kekayaan anda dengan pelan perlindungan yang sesuai



**HSBC**

Opening up a world of opportunity

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Melindungi kekayaan anda adalah penting dan ia bermula dengan persediaan untuk menghadapi perkara yang tidak diduga

Kita tahu bahawa kehidupan dipenuhi dengan detik-detik mengujakan seperti melangkah ke alam perkahwinan, membina keluarga, memiliki kediaman baharu, atau menikmati persaraan. Dalam kesibukan anda mengumpul kekayaan untuk memastikan ia bertahan, anda juga memerlukan perlindungan hayat & kesihatan yang secukupnya bagi memenuhi matlamat semasa dan masa depan anda.

**HSBC's EliteCare Plus** adalah pelan premium berkala **berkaitan pelaburan** yang menawarkan pelbagai perlindungan untuk memberikan anda ketenangan fikiran. Ianya merupakan pelan fleksibel dan mampu milik yang membolehkan anda memilih tahap perlindungan berdasarkan keperluan perlindungan anda.

---

## Manfaat-Manfaat memiliki HSBC's EliteCare Plus

- Perlindungan Kematian & Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)<sup>^</sup> sehingga umur 100 tahun\*
- Pilihan untuk menikmati perlindungan perubatan menyeluruh<sup>1</sup> dengan Had Tahunan yang tinggi dan tiada Had Sepanjang Hayat
- Pilihan untuk mendapat rawatan perubatan di luar negara<sup>2</sup> untuk 5 penyakit utama
- Pilihan untuk menikmati perlindungan penyakit kritikal menyeluruh<sup>3</sup> dari peringkat awal hingga peringkat akhir
- Pilihan untuk menikmati perlindungan kemalangan peribadi<sup>4</sup>
- Pilihan untuk mengecualikan orang yang diinsuranskan daripada pembayaran premium<sup>5</sup> jika orang yang diinsuranskan menghidapi mana-mana daripada 36 penyakit kritikal
- Pilihan untuk pengecualian pemilik polisi daripada pembayaran premium<sup>6</sup> jika pemilik polisi meninggal dunia, TPD atau menghidapi mana-mana daripada 36 penyakit kritikal
- Peluang untuk meningkatkan potensi pulangan pelaburan anda dalam dana tempatan atau global<sup>7</sup> sambil kekal dilindungi

Nota:

<sup>^</sup>Perlindungan TPD sehingga umur 71 tahun dan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM8 juta bagi setiap orang yang diinsuranskan.

\*Bergantung kepada tempoh perlindungan yang dipilih.

# PILIHAN RIDER-RIDER BAGI PERLINDUNGAN MENYELURUH

## ◆ Medical Edge

### Perlindungan perubatan menyeluruh

Perlindungan perubatan yang terperinci untuk keperluan penjagaan kesihatan anda.

- Tiada Had Sepanjang Hayat dan mempunyai Had Tahunan yang tinggi sehingga RM5,000,000.
- Terdapat empat (4) pelan dengan pilihan deduktibel yang fleksibel dan Pilihan Penukaran Deduktibel untuk memenuhi keperluan perlindungan & kewangan anda dengan sebaiknya.
- Perlindungan kekal COVID-19.
- Perlindungan kanser menyeluruh yang merangkumi ujian genomik dan rawatan kanser lanjut pesakit luar.
- Peluang untuk menerima penjagaan terbaik di rumah anda dengan AllianzCare@Home.
- Pilihan untuk mendapat perlindungan bagi lawatan pakar pesakit luar tanpa perlu dimasukkan ke hospital.
- Pilihan untuk menerima manfaat tunai harian semasa dimasukkan ke hospital.



## ◆ Critical Edge

### Pasport anda bagi mendapatkan rawatan perubatan bertaraf dunia

Menjaga perjalanan rawatan perubatan luar negara\* anda daripada saat anda berlepas sehingga anda pulih.

- **Meliputi 5 penyakit utama\*\*** dan prosedur perubatan yang berkaitan.
- Akses kepada **pendapat perubatan kedua** daripada **pakar global**.
- **Perkhidmatan concierge premier** bagi membantu pengaturan rawatan perubatan anda\*\*\*, supaya perjalanan penjagaan kesihatan luar negara anda dijaga dengan baik.
- Semua penerbangan, penginapan, pertukaran lapangan terbang & perbelanjaan rawatan perubatan akan ditanggung sepenuhnya, sehingga **Had Tahunan maksimum USD 2 juta** dan **Had Sepanjang Hayat maksimum USD 4 juta**.



\*Tidak termasuk Malaysia, negara asal orang yang diinsuranskan atau negara di mana orang yang diinsuranskan tinggal atau melancong selama lebih dari sembilan puluh (90) hari berturut-turut dari hari orang yang diinsuranskan meninggalkan Malaysia.

\*\*Kanser, Pembedahan Injap Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Transplant Organ dan Sumsum Tulang oleh Penderma Hidup, Pembedahan Intrakranial dan Saraf Tunjang Tertentu

\*\*\*termasuk seorang (1) teman seperjalanan atau dua (2) (jika orang yang diinsuranskan yang menerima rawatan perubatan luar negara berumur di bawah 16 tahun).

# PILIHAN RIDER-RIDER BAGI PERLINDUNGAN MENYELURUH

## ③ Critical Cover

### Perlindungan penyakit kritikal terperinci

Menyediakan perlindungan kewangan dari peringkat awal hingga peringkat akhir penyakit kritikal, supaya anda dapat menumpukan perhatian kepada perjalanan pemuliharaan anda.

- Pembayaran sekali gus apabila disahkan menghidap penyakit kritikal peringkat awal, peringkat pertengahan atau peringkat akhir.
- Satu pelan yang terperinci yang merangkumi 157 keadaan penyakit kritikal dan 7 keadaan penyakit kritikal Juvenil.
- 3 manfaat tambahan untuk membantu anda menghadapi keadaan yang tidak dijangka.



#### **Senarai Keadaan Penyakit Kritikal yang Dilindungi** **157 Keadaan Penyakit Kritikal** **+7 Keadaan Penyakit Kritikal Juvenil**

##### **Penyakit Kritikal Peringkat Awal**

59 keadaan

##### **Penyakit Kritikal Peringkat Pertengahan**

28 keadaan

##### **Penyakit Kritikal Peringkat Akhir**

70 keadaan  
+ 7 keadaan penyakit kritikal Juvenil



Cancer Recovery Benefit  
Diabetes Recovery Benefit  
Catastrophic CI Benefit

## ④ PA Care

### Perlindungan kemalangan yang menyeluruh

Membantu anda dan keluarga anda menghadapi masa yang penuh cabaran dengan perlindungan kemalangan peribadi yang menyeluruh ini.

- Bayaran apabila kematian dan Hilang Upaya Sebahagian / Menyeluruh dan Kekal akibat kemalangan.
- Bayaran 2X perlindungan jika kematian dan Hilang Upaya Sebahagian / Menyeluruh dan Kekal akibat kecederaan yang dialami semasa perjalanan sebagai penumpang dalam pengangkutan awam, semasa dalam lif penumpang atau di dalam bangunan awam yang terbakar.



## PILIHAN RIDER-RIDER BAGI PERLINDUNGAN MENYELURUH

### ◆ Critical Waiver / ◆ Secure Waiver


Menjamin perjalanan perlindungan anda

Tetapkan jaminan perjalanan simpanan & perlindungan tanpa gangguan.



Critical Waiver	Secure Waiver
Mengetepikan Premium Asas jika orang yang diinsuranskan menghidapi mana-mana daripada 36 Penyakit Kritis + 2 TPD Lanjutan.	Mengetepikan Premium Asas jika pembayar meninggal dunia atau menghidapi TPD* atau mana-mana daripada 36 Penyakit Kritis + 2 TPD Lanjutan.  *Perlindungan TPD sehingga Pembayar berusia 65 tahun.

#### Bagaimana Rider Pengetepian berfungsi



### ◆ InvestPlus Rider

Tingkatkan potensi pulangan pelaburan anda dalam dana tempatan atau global untuk kepelbagaiannya

- Tingkatkan potensi pulangan pelaburan anda melalui pelbagai dana berkaitan pelaburan untuk kedua-dua pasaran tempatan\* dan global^ dengan fleksibiliti untuk menukar dana.
- Premium pelaburan berkala adalah terhad kepada 5 kali daripada jumlah premium asas yang dibayar untuk perlindungan.



\*Dana berkaitan pelaburan tempatan: Dana Bon Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life dan Dana Ekuiti Allianz Life

^Dana berkaitan pelaburan global: Dana Ekuiti All China Allianz Life, Dana Pendapatan Oriental Allianz Life, Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life, Dana Thematica Allianz Life, Dana Pendapatan Elit Allianz Life, Dana Sains Kesihatan Dunia Allianz Life, Dana Multi-Aset Bersepadau ESG Allianz Life, Dana Pendapatan dan Pertumbuhan Allianz Life dan Dana Global Ekuiti Tanpa Sekatan Allianz Life.

Dana-dana dasar ini tertakluk kepada perubahan.

# Tahukah anda?

## Malang tidak berbau



Malaysia mencatatkan jumlah kematian daripada kemalangan jalan raya ketiga tertinggi di Asia dan ASEAN.<sup>1</sup>

Lebih separuh daripada semua kematian di jalan raya biasanya melibatkan orang dewasa yang seringkali merupakan pemberi nafkah keluarga.



## Adakah Rawatan di Luar Negara Lebih Baik?

Ya, terutamanya untuk Penyakit-Penyakit Utama.

Kadar kelangsungan hidup kanser di Amerika Syarikat kekal antara yang tertinggi di dunia<sup>2</sup>



Ramai pesakit yang ingin mendapatkan rawatan kanser lebih cenderung untuk pergi ke Amerika Syarikat<sup>3</sup> kerana ia adalah negara terbaik bagi mendapatkan rawatan kanser di dunia.

Tiga hospital terbaik di dunia terletak di Amerika Syarikat<sup>4</sup>.

Sumber:

1. [https://www.asiainsurancereview.com/Magazine/ReadMagazineArticle?aid=42313#:~:text=Malaysia%20has%20the%20third%20highest,Malaysian%20fatality%20rates%20since%202007. \(2019\)](https://www.asiainsurancereview.com/Magazine/ReadMagazineArticle?aid=42313#:~:text=Malaysia%20has%20the%20third%20highest,Malaysian%20fatality%20rates%20since%202007.)
2. [https://worldpopulationreview.com/country-rankings/cancer-survival-rates-by-country \(2022\)](https://worldpopulationreview.com/country-rankings/cancer-survival-rates-by-country)
3. [https://www.clinicspots.com/blog/21-best-cancer-hospitals-in-world \(2022\)](https://www.clinicspots.com/blog/21-best-cancer-hospitals-in-world)
4. [https://www.newsweek.com/worlds-best-hospitals-2022 \(2022\)](https://www.newsweek.com/worlds-best-hospitals-2022)

# Ringkasan Produk

	HSBC's EliteCare Plus Pelan Asas (Kematian/TPD)	Rider Pilihan untuk Meningkatkan Perlindungan Insurans Anda					
		Medical Edge	Critical Edge	Critical Cover	PA Care	Critical Waiver & Secure Waiver	
<b>Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan</b>	15 hari - 70 tahun	15 hari - 70 tahun	15 hari - 65 tahun	15 hari - 70 tahun	15 hari - 60 tahun	18 tahun - 70 tahun	
<b>Tempoh Perlindungan</b>	Sehingga umur 70 tahun atau umur 100 tahun	Sehingga umur 100 tahun atau tempoh perlindungan pelan asas, yang mana lebih awal	Sehingga umur 75 tahun atau tempoh perlindungan pelan asas, yang mana lebih awal	Sehingga umur 100 tahun atau tempoh perlindungan pelan asas, yang mana lebih awal	Sehingga umur 70 tahun atau tempoh perlindungan pelan asas, yang mana lebih awal	Sehingga umur 100 tahun atau tempoh perlindungan pelan asas, yang mana lebih awal	
<b>Pembaharuan yang Dijamin Apabila Polisi Matang</b>	Hanya berkenaan jika tempoh perlindungan pelan asas adalah sehingga umur 70 tahun. Tiada pengunderaitan perubatan dan pengisyitahan kesihatan diperlukan untuk pembaharuan.						
<b>Amaun Diinsuranskan Minimum</b>	RM60,000	<b>Pelan 150</b> Had tahunan: RM 1.5 juta  <b>Pelan 250</b> Had tahunan: RM 2.5 juta  <b>Pelan 400</b> Had tahunan: RM 4 juta  <b>Pelan 500</b> Had tahunan: RM 5 juta	<b>Pelan 1</b> Had Tahunan: USD 1 juta Had Sepanjang Hayat: USD 2 juta	RM10,000	RM10,000	Mengetepikan premium asas	
<b>Amaun Diinsuranskan Maksimum</b>	Tertakluk kepada pengunderaitan			<b>Bagi orang yang diinsuranskan dengan umur kemasukan 65 tahun dan ke bawah</b> RM500,000 setiap hayat  <b>Bagi orang yang diinsuranskan dengan umur kemasukan melebihi 65 tahun</b> RM100,000 setiap hayat	RM1 juta atau 5 kali ganda Amaun Diinsuranskan bagi pelan asas, yang mana lebih rendah		
<b>Premium Tahunan Minimum</b>	Pra-kiraan berdasarkan perlindungan insurans yang dipilih, tertakluk kepada:  Minimum = RM3,600		Tidak berkenaan				
<b>Premium Tahunan Maksimum</b>	Maksimum = Tertakluk kepada pengunderaitan		Tidak berkenaan				
<b>Kadar Peruntukkan Premium</b>	<b>Premium Insurans:</b> Tahun 1: 70% Tahun 2: 90% Tahun 3-10: 95% ≥ Tahun 11: 100%	<b>Premium Pelaburan, Premium Pembaharuan, Premium InvestPlus Rider &amp; Premium Tambahan Ad Hoc:</b> 95%	Rider penolakan unit				
<b>Caj Perkhidmatan Bulanan</b>	RM8.00 sebulan		Tidak berkenaan				
<b>Caj Pengurusan Dana</b>	Sehingga 0.75% - 1.50% setahun		Tidak berkenaan				
<b>Yuran Pertukaran Dana</b>	Lima (5) kali pertukaran tanpa yuran setiap tahun polisi dan RM10.00 untuk sebarang pertukaran berikutnya		Tidak berkenaan				

# Jadual Manfaat – Medical Edge

	Jenis Pelan	Pelan 150 (RM)	Pelan 250 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)
	Had Tahunan Keseluruhan	1,500,000	2,500,000	4,000,000	5,000,000
	Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada had			
	Pilihan Deduktibel	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Deduktibel sifar (Pelan Asas); atau</li> <li>• RM5,000, RM10,000 atau RM30,000 setiap Tahun Polisi dengan Pilihan Penukaran Deduktibel pada usia 60 tahun</li> </ul>			
<b>A)</b>	<b>Manfaat Penghospitalan &amp; Pembedahan</b>				
1	Bilik Hospital & Penginapan (tertakluk kepada maksimum seratus lima puluh (150) hari untuk Mana-mana Satu (1) Hilang Upaya)	150	250	400	500
2	Unit Rawatan Rapi (tertakluk kepada maksimum seratus lima puluh (150) hari untuk setiap kemasukan)	Bayaran dikenakan. Tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*			
3	Manfaat Penginap (tertakluk kepada maksimum seratus lima puluh (150) hari untuk Mana-mana Satu (1) Hilang Upaya)	75	125	200	250
4	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital				
5	Bayaran Pembedahan				
6	Bayaran Pakar Bius				
7	Bayaran Bilik Bedah				
8	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (tertakluk kepada maksimum dua (2) lawatan sehari)				
9	Ujian Diagnostik PraPenghospitalan (dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum Kemasukan ke Hospital)				
10	Konsultasi Pra-Penghospitalan (dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum Kemasukan ke Hospital – maksimum dua (2) Pengamal Perubatan Am dan satu (1) konsultasi Pakar)	Bayaran dikenakan. Tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*			
11	Pemindahan Organ				
12	Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari berikut keluar dari Hospital)				
13	Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (tertakluk kepada maksimum seratus lapan puluh (180) hari sepanjang hayat)				
14	Bayaran Ambulans				
15	Pembedahan Harian				
16	Pembayaran Balik Perbelanjaan Laporan Perubatan	Bayaran dikenakan. Tertakluk kepada maksimum RM200 setiap kemasukan bagi rawatan Pesakit Dalam atau Mana-Mana Satu (1) Hilang Upaya bagi rawatan Pesakit Luar.			
<b>B)</b>	<b>Manfaat Rawatan Pesakit Luar</b>				
1	Rawatan Pesakit Luar bagi Kemalangan dan Kecemasan & tiga puluh (30) hari rawatan susulan (Had Tahunan)	Sehingga 1,500	Sehingga 2,500	Sehingga 4,000	Sehingga 5,000
2	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan dan perubatan dipreskripsi yang dibawa pulang)				
3	Rawatan Denggi atau Demam Enterik Pesakit Luar (termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan dan perubatan dipreskripsi yang dibawa pulang)	Bayaran dikenakan. Tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*			

\*Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan bergantung kepada Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 di Malaysia, termasuk apa-apa pindaan berikutnya atau enakmen terhadapnya.

# Jadual Manfaat – Medical Edge (sambungan)

	Jenis Pelan	Pelan 150 (RM)	Pelan 250 (RM)	Pelan 400 (RM)	Pelan 500 (RM)								
	Had Tahunan Keseluruhan	1,500,000	2,500,000	4,000,000	5,000,000								
	Had Sepanjang Hayat Keseluruhan	Tiada had											
	Pilihan Deduktibel	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Deduktibel sifar (Pelan Asas); atau</li> <li>• RM5,000, RM10,000 atau RM30,000 setiap Tahun Polisi dengan Pilihan Penukaran Deduktibel pada usia 60</li> </ul>											
	Perlindungan COVID-19 (kategori-kategori 3,4 dan 5)	Dilindungi											
<b>C)</b>	<b>Manfaat Rawatan Kanser</b>												
1	Rawatan Kanser Pesakit Luar (radioterapi, kemoterapi, terapi bertarget, terapi hormon atau imunoterapi termasuk konsultasi, ujian pemeriksaan dan perubatan dipreskripsi yang dibawa pulang)	Bayaran dikenakan. Tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*											
2	Ujian Genomik untuk Kanser (sepanjang hayat)	Sehingga 10,000	Sehingga 20,000	Sehingga 35,000	Sehingga 40,000								
<b>D)</b>	<b>Manfaat-manfaat Lain</b>												
1	Pendapat Perubatan Kedua	Pembayaran balik bagi kos yang boleh dituntut, tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan* (sehingga maksimum RM2,000 setiap Tahun Polisi)											
2	Bayaran balik yuran kiropraktik, kiropodi, homeopati, osteopati atau akupunktur (manfaat rawatan Pesakit Luar selepas Penghospitalan, dalam tempoh tiga puluh (30) hari berikutnya keluar dari Hospital)	Bayaran dikenakan, tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan* (tertakluk kepada satu (1) lawatan sehari)  Had sehari <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>150</td><td>250</td><td>400</td><td>500</td></tr> </table> Had maksimum setiap Tahun Polisi <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>1,500</td><td>2,500</td><td>4,000</td><td>5,000</td></tr> </table>				150	250	400	500	1,500	2,500	4,000	5,000
150	250	400	500										
1,500	2,500	4,000	5,000										
3	Kanta Intraokular	Bayaran dikenakan. Tertakluk kepada Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan*											
4	Evakuasi Perubatan dan Repatriasi Perubatan Kecemasan Antarabangsa (setiap Tahun Polisi)	Tidak berkenaan		Sehingga 500,000									
<b>E)</b>	<b>Manfaat Tiada Tuntutan</b>												
1	Ganjaran Tiada Tuntutan	Peningkatan 10% setiap 3 tahun bagi kadar asal Manfaat Bilik Hospital dan Penginapan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam 3 tahun yang sebelumnya dan amaun yang ditingkatkan tidak akan melebihi 150% daripada kadar asal Manfaat Bilik Hospital dan Penginapan pada Tarikh Terbitan.											

\*Bayaran Munasabah dan Biasa Diamalkan bergantung kepada Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 di Malaysia, termasuk apa-apa pindaan berikutnya atau enakmen terhadapnya.

## Sub-Rider Pilihan – Medical Edge

<b>Outpatient Specialist Rider</b> (Had Tahunan)	Sehingga RM2,000 setiap Tahun Polisi					
<b>Hospital Income Rider<sup>A</sup></b> (manfaat harian penghospitalan) (maksimum tiga puluh (30) hari setiap hilang upaya)	Pelan 75 (RM)	Pelan 125 (RM)	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 250 (RM)	Pelan 400 (RM)
	75	125	150	200	250	400
						500

<sup>A</sup>Terhad kepada 100% daripada Manfaat Bilik Hospital & Penginapan, tertakluk kepada maksimum RM500 had pendapatan hospital sepanjang hayat.

# Nota Penting

1. Perlindungan TPD adalah sehingga umur 71 tahun dan tertakluk kepada maksimum RM8 juta bagi setiap orang yang diinsuranskan. Sekiranya jumlah perlindungan anda melebihi RM8 juta, baki yang tinggal akan dibayar selepas kematian.
2. Risalah ini adalah untuk tujuan ilustrasi dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan Ilustrasi Jualan (SI) untuk maklumat lanjut.
3. Sila rujuk kepada PDS, SI, dan kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
4. Kami mempunyai hak untuk menyemak semula kadar, caj, yuran, terma dan syarat polisi. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai pindaan yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa.
5. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah sesuai untuk anda, dan premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini adalah berdasarkan kemampuan anda. Pembelian insurans hayat adalah komitmen jangka panjang dan adalah tidak dinasihat untuk menyerahkan polisi anda dalam tahun-tahun awal memandangkan kos permulaan yang tinggi.
6. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan permintaan bertulis kepada Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (ALIM) dan mengembalikan polisi tersebut kepada ALIM dalam lima belas (15) hari tempoh percubaan, dari tarikh penerimaan polisi tersebut oleh anda. ALIM akan mengembalikan kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) mengikut harga unit pada tarikh penilaian seterusnya, dan sebarang caj insurans dan caj perkhidmatan bulanan yang telah ditolak, selepas menolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung.
7. Dalam kes di mana pembelian melibatkan jumlah premium yang tinggi, anda perlu mempertimbangkan pembelian polisi berkaitan pelaburan premium tunggal berbanding polisi premium berkala kerana ia menawarkan kadar peruntukan yang lebih baik untuk pelaburan.
8. Sekiranya anda gagal membayar premium pada tarikh perlu dibayar, polisi anda akan dikekalkan dengan perlaksanaan percutian premium. Namun, terdapat kemungkinan polisi akan luput jika nilai akaun tidak mencukupi untuk membayar semua caj polisi yang tertunggak.
9. Anda diberikan tempoh penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari untuk membayar premium anda, semasa tempoh ini polisi akan kekal berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, polisi akan luput pada akhir tempoh penangguhan jika mana-mana caj polisi masih belum dibayar pada akhir tempoh penangguhan. Oleh itu, adalah dinasihatkan untuk membayar premium polisi anda tepat pada masanya.
10. Jaminan Berkuat Kuasa Bersyarat akan dilaksanakan untuk enam (6) tahun polisi pertama dengan syarat semua premium yang tertunggak dibayar sehingga tarikh terkini (dalam tempoh penangguhan 31 hari) dan tiada pengeluaran dari nilai akaun dilakukan semasa tempoh Jaminan Berkuat Kuasa Bersyarat.
11. Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika Pemegang Polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila Polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.
12. Jika nilai akaun polisi anda tidak mencukupi untuk membayar caj polisi, anda mungkin perlu menambah premium anda semasa tempoh perlindungan polisi anda untuk perlindungan berterusan sehingga tarikh matang polisi. Sila rujuk kepada PDS dan kontrak polisi untuk penjelasan terperinci mengenai kelanjutan polisi.
13. Polisi ini akan diperbaharui secara automatik dan serta-merta selepas tarikh matang/tamat, sehingga ulang tahun polisi apabila orang yang diinsuranskan mencapai umur seratus (100) tahun. Sebarang rider yang dilampirkan kepada polisi yang masih berkuat kuasa pada masa pembaharuan polisi juga akan diperbaharui mengikut syarat-syaratnya sehingga ulang tahun polisi rider apabila orang yang diinsuranskan mencapai umur maksimum yang dibenarkan bagi perlindungan di bawah rider tersebut. Sebarang nilai akaun pada tarikh matang/tamat akan dibawa ke hadapan semasa pembaharuan polisi tersebut. Sekiranya anda tidak ingin memperbaharui polisi ini termasuk rider, anda mestilah memaklumkan ALIM tentang tujuan anda untuk tidak memperbaharui dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh matang/tamat tempoh polisi. Premium pada masa pembaharuan polisi tidak dijamin dan ALIM berhak untuk menyemak semula premium yang berkenaan pada masa pembaharuan polisi. ALIM akan memberitahu anda tentang premium yang dipinda dengan memberi anda notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pembaharuan polisi.

**Nota: Ini adalah produk insurans yang dikaitkan kepada prestasi aset-aset asas dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Diunderit oleh:

**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM